



**KETUA SETIAUSAHA PERBENDAHARAAN**

SECRETARY GENERAL OF TREASURY

Kementerian Kewangan Malaysia

Ministry of Finance Malaysia

Kompleks Kementerian Kewangan

No. 5, Persiaran Perdana, Presint 2

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62592 PUTRAJAYA

MALAYSIA

Tel : 603-8882 3333

Faks : 603-8882 4224

Telex : FEDTRY MA 30242

Web : [www.mof.gov.my](http://www.mof.gov.my)

Rujukan kami: MOF.600-40/3/3 JLD.2(32)(S)

27 Februari 2026

**Semua Ketua Setiausaha Kementerian  
Semua Ketua Jabatan Persekutuan**

YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk Wira/ Datuk/ Dato'/  
YBrs. Dr./ Tuan/ Puan,

**BANTUAN KHAS KEWANGAN TAHUN 2026 KEPADA INDIVIDU  
CONTRACT FOR SERVICE**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sebagaimana YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk Wira/ Datuk/ Dato'/ YBrs. Dr./ Tuan/ Puan sedia maklum, YAB Perdana Menteri telah mengumumkan pemberian Bantuan Khas Kewangan (BKK) Tahun 2026 sebanyak RM500.00 bagi membantu penjawat awam dan pesara dalam membuat persiapan menjelang perayaan Hari Raya Aidilfitri. Selaras dengan keputusan tersebut, Kerajaan bersetuju untuk memanjangkan BKK Tahun 2026 sebanyak RM500.00 kepada individu *Contract For Service* (CFS) yang menerima kemudahan setara Gred 15 dan ke bawah.

3. Selain itu, bagi pesara Kerajaan dan veteran yang dilantik semula secara CFS dan masih berkhidmat layak dibayar BKK Tahun 2026 sebanyak RM500.00. Pembayaran sebanyak RM250.00 akan dibuat oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)/Jabatan Hal Ehwal Veteran (JHEV) dan bakinya sebanyak RM250.00 akan dibayar oleh jabatan di mana individu CFS sedang berkhidmat.

4. BKK Tahun 2026 akan dibayar pada 13 Mac 2026 di bawah tanggungan Kementerian/Jabatan di mana individu CFS berkhidmat pada tarikh pembayaran tersebut.

5. Pemberian BKK Tahun 2026 ini turut dikecualikan cukai pendapatan selaras dengan peruntukan di bawah subseksyen 127(3A) Akta Cukai Pendapatan 1967.

Sekian, terima kasih.

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(DATUK JOHAN MAHMOOD MERICAN)**

**s.k.:**

**YBHG. TAN SRI SHAMSUL AZRI BIN ABU BAKAR**

Ketua Setiausaha Negara  
Pejabat Ketua Setiausaha Negara  
Aras 4, Blok Timur  
Bangunan Perdana Putra  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
**62502 PUTRAJAYA**

**YBHG. TAN SRI WAN AHMAD DAHLAN BIN HAJI ABDUL AZIZ**

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam  
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia  
Aras 13, Blok C1, Kompleks C  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
**62510 PUTRAJAYA**

**YBHG. DATO' ZAINANI BINTI JUSOH**

Akauntan Negara Malaysia  
Jabatan Akauntan Negara Malaysia  
Aras 8, Kompleks Kementerian Kewangan  
No. 1, Persiaran Perdana, Presint 2  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
**62594 PUTRAJAYA**